

8 MAR 1996

PETRONAS SANGGUPI AS\$400 JUTA DALAM USAHA DI VIETNAM SETAKAT INI

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) --- Petronas sehingga kini membuat komitmen kira-kira AS\$400 juta (kira-kira RM1.02 bilion) di sektor hulu dan hiliran petroleum di Vietnam, demikian diumumkan hari ini.

Di dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini sempena perasmian pejabat wakil Petronas di Hanoi hari ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ia berkata penerokaannya ke dalam industri petroleum Vietnam merupakan sebahagian daripada strategi pensejagatannya.

Strategi itu bertujuan mewujudkan nilai yang lebih besar dan memastikan pertumbuhan yang mampan, katanya sambil menambah bahawa langkah itu juga sejajar dengan komitmennya dan juga komitmen Malaysia untuk memainkan peranan yang berkesan di dalam pembangunan Vietnam, terutamanya industri petroleum.

Penyertaan Petronas ke dalam sektor hiliran petroleum Vietnam bermula dalam tahun 1991 dan terbabit dalam kontrak perkongsian pengeluaran di luar pantai selatan negara itu. Ia juga terbabit dalam pembangunan medan minyak Dai Hung dengan rakan-rakan kongsi lain.

Pada hari Selasa, Petronas bersama-sama dengan enam syarikat lain menandatangani perjanjian melaksanakan kajian kemungkinan terperinci mengenai projek kilang penapis pertama Vietnam.

Petronas dan Conoco Asia Ltd akan bersama-sama memegang 30 peratus kepentingan di dalam kilang penapis 130,000 tong sehari yang dicadangkan itu.

Petronas berkata ia juga melaksanakan kajian pelan induk petro-kimia bagi mengadakan panduan terperinci bagi pembangunan industri petroleum Vietnam yang sistematik dan bersepadu.

Petronas, yang mula memasarkan selinder LPG dan dapur di Vietnam, berkata ia juga bekerja dengan jawatankuasa perancangan negara untuk merumuskan pelan induk gas bagi negara itu. -- BERNAMA

SHY SHY OS